

Medan lahir atlet pelapis sukan hoki



Sebahagian aksi pada kejohanan itu.

INFO

Karnival Akademi Sukan UPM-SEJATI-Milo Hoki 5s dapat penyertaan luar biasa

Oleh Basir Zahrom
basir_zahrom@bh.com.my

Kuala Lumpur: Dalam usaha mencungkil bakat baharu dalam sukan hoki, Sekolah Kebangsaan Jalan 3 (SEJATI), Bandar Baru Bangi bekerjasama dengan Akademi Sukan Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Milo menganjurkan Karnival Hoki 5's, baru-baru ini.

Guru Besarnya, Puan Rozita Ahmad, berkata karnival julung kali di Stadium Hoki Nasional Bukit Jalil itu diadakan bagi menyahut seruan Kementerian Belia dan Sukan bersempena dengan Bulan Sukan Negara.

Katanya, sebanyak 24 pasu-

kan lelaki dan perempuan dari sekolah rendah di seluruh negara bersaing pada kejohanan yang mendapat khidmat pengadil Konfederasi Hoki Malaysia (KHM) serta dari Indonesia.

"Program ini menjadi platform yang baik untuk murid mengembangkan bakat dalam sukan hoki dan bersaing secara kompetitif, selain memberi peluang serta pengalaman buat atlet muda bertanding di arena hoki bertaraf dunia.

"Penganjuran ini sesuatu yang bermakna, lebih-lebih lagi apabila disambut baik oleh pihak KHM, Akademi Sukan UPM dan Milo bagi merencanakan lagi pembangunan sukan hoki dalam kalangan atlet muda," katanya kepada BH Didik.

Karnival Akademi Sukan UPM-SEJATI-Milo Hoki 5's itu turut mendapat sokongan padu daripada Presiden KHM, Datuk Seri Subahan Kamal yang merasmikan majlis penutup program berkenaan.

Yang turut hadir, Naib Canselor UPM, Datuk Dr Aini Ideris dan Pengarah Akademi Sukan UPM, Prof Datuk Shamala Subramaniam.

Mengulas lanjut, Puan Rozita



Karnival berkenaan turut mendapat sokongan pada Datuk Seri Shamala (dua dari kanan)

berkata, idea untuk penganjuran karnival itu dicetuskan oleh Prof Datuk Shamala selepas melihat kejayaan pasukan hoki lelaki bawah 18 tahun berjaya membawa pingat emas pada Kejohanan Hoki Remaja dunia di Buenos Aires, Argentina tahun lalu.

Katanya, beliau tertarik dengan kejayaan SEJATI dalam bidang akademik dan kokurikulum, seterusnya berminat mengadakan kerjasama dalam beberapa siri pembangunan sukan terutamanya hoki sejak tahun lalu.

"Diharap penganjuran karnival ini dapat melahirkan pemain

hoki berbakat untuk mewakili negara pada suatu hari nanti," katanya.

Sementara itu, Prof Datuk Shamala berkata, karnival itu dianggap sebagai suatu kejayaan besar dan suntikan semangat untuk memperkuat lagi pembangunan hoki di peringkat sekolah.

"Ini adalah kesinambungan usaha guru, ibu bapa dan komuniti untuk terus menyokong pembangunan hoki di sekolah untuk melahirkan pelapis seterusnya meraih kecemerlangan pada peringkat antarabangsa," katanya.

KEPUTUSAN KARNIVAL AKADEMI SUKAN UPM-SEJATI-MILO HOKI 5S

Johan - SK Seri Bemban (Melaka)

Naib Johan - SK Bagan Ajam (Pulau Pinang)

Tempat ketiga - SK Felda Triang 3 (Pahang)

Anugerah Khas

- Pemain terbaik kejohanan - Ahmad Fazreen Ahmad (SK Bagan Ajam)
- Penjaring gol terbanyak - Naufal Hazim Suwardi (SK Seri Bemban)
- Penjaga gol terbaik - Aqil Hakimi Mohd Zahir (SK Bagan Ajam)
- Pemain terbaik perlawanan akhir - Aidi Haziq (SK Seri Bemban)
- Pemain harapan - Muhammad Fahri Junaid (SK Tuanku Azizah)